



# SIARAN MEDIA

## KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

KBS.100-2/1/10 JLD 3 (83)

### MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH *SOCIAL ENTREPRENEURSHIP FOR RURAL YOUTH (SERY) 2023*

1. YB Adam Adli Abd Halim, Timbalan Menteri Belia dan Sukan telah hadir menyempurnakan **Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah *Social Entrepreneurship for Rural Youth (SERY) 2023*** bertempat di **Pusat Belia Antarabangsa, Kuala Lumpur** pada **21 Disember 2023**.
2. Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, **Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS)** dan YBr. Dr. Zainah Shariff, **Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Belia) Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN)**.
3. SERY merupakan **program latihan berstruktur** dan komprehensif dengan elemen **bimbingan dan pementoran** bagi pengukuhan **potensi belia dalam bidang keusahawanan sosial** seterusnya **dapat menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi dan komuniti di luar bandar**. Program ini mempunyai objektif seperti berikut:
  - 3.1 menyediakan belia dengan **ilmu dan kemahiran** dalam bidang keusahawanan sosial sebagai peluang penciptaan pekerjaan baru dalam kalangan generasi muda;
  - 3.2 memberi **kesedaran dan inspirasi** kepada belia luar bandar tentang keusahawanan sosial dan potensinya kepada individu dan komuniti;
  - 3.3 menggalakkan **penyertaan dan penglibatan belia** dalam menyelesaikan isu pembangunan sosioekonomi dan komuniti di kawasan luar bandar; dan
  - 3.4 mewujudkan **impak sosial dan alam sekitar** terutamanya dalam kalangan komuniti luar bandar yang positif secara proaktif.
4. Program **SERY** merupakan inisiatif **KBS menerusi JBSN** dengan kerjasama rakan pelaksana **myHarapan** dan rakan strategik iaitu **Pusat Belia Antarabangsa, NAMA Foundation** dan **Youth Environment Living Labs**,

**United Nations International Children's Emergency Fund** serta **Institut Keusahawanan Negara** di bawah **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)**.

5. Program SERY dilaksanakan dalam tempoh **enam (6) bulan** dengan melibatkan **lima (5) fasa secara berkumpulan** iaitu Fasa 1 (Promosi dan Hebahan), Fasa 2 (Sesi *Think, Talk, Take Action*), Fasa 3 (*Bootcamp*), Fasa 4 (Prototaip dan Pengesahan) dan Fasa 5 (Pembentangan Akhir).
6. Sebanyak **10 kumpulan** telah bersaing di peringkat penilaian akhir berasaskan **dua (2) kategori** iaitu Pembangunan Komuniti atau Alam Sekitar. Kumpulan dinilai berdasarkan impak dan matlamat sosial yang telah berjaya dicapai semasa fasa prototaip dan pengesahan.
7. **Tiga (3) kumpulan** dengan projek terbaik dinobatkan sebagai pemenang. Kumpulan yang berjaya akan membawa pulang **hadiah wang tunai, trofi dan sijil penyertaan**.
8. Pelaksanaan SERY diharapkan menjadi **platform pemeraksanaan keusahawanan sosial dalam kalangan belia dan memangkinkan penglibatan belia dalam sektor ini**. Usaha ini seterusnya **meningkatkan peranan belia dalam menyelesaikan isu-isu komuniti melalui idea dan inovasi sosial** seterusnya memperkukuh ekosistem pembangunan belia selari dengan hasrat yang terkandung di bawah **Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM 2030)** dan **aspirasi Malaysia MADANI**.
9. Sekiranya terdapat pertanyaan atau memerlukan maklumat lanjut berkenaan **SERY**, sila hubungi **JBSN** di talian **03-8871 3273** atau e-mel [jbsn@kbs.gov.my](mailto:jbsn@kbs.gov.my).

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**21 DISEMBER 2023**

## SENARAI KUMPULAN DAN PROJEK BAGI PERINGKAT PENILAIAN AKHIR

BIL.	KUMPULAN	PROJEK
1.	Healing Fighter	Perkhidmatan pakej pelancongan (healing) di sekitar Perlis kepada kumpulan sasaran yang mengalami masalah <i>depression</i> , keresahan, tekanan dan sebagainya.
2.	Jands & Co	Penghasilan pek makanan masakan lauk menggunakan teknologi retort yang dihasilkan oleh ibu tunggal di komuniti Batu Pahat, Johor bagi menambah pendapatan mereka.
3.	UNIPS	Penubuhan pusat pengambilan dan penghantaran parcel dengan pendekatan <i>eco parcel care</i> di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu bagi menangani masalah pembuangan kotak dan plastik pembungkusan di merata tempat.
4.	SE Heritage	Pemeliharaan seni warisan yang dilupakan dan kian hilang melalui usaha mendokumentasikan cara dan pembuatan Rebana Kercing bersama komuniti Kampung Laut, Tumpat, Kelantan.
5.	Agrifood	Penghasilan inovasi produk hiliran seperti penghasilan sambal dari lebihan hasil pertanian cili yang tidak terjual oleh petani sekitar komuniti di Kota Baharu, Kelantan.
6.	Koperasi Opah	Penghasilan produk hiliran hasil lambakan ikan bulu Batang Lupar yang tidak habis terjual disamping menjadikan ia sebagai salah satu tarikan baharu di Sri Aman, Sarawak.
7.	SWD Mulch	Penghasilan inovasi baja SWD Mulch yang mengandungi kayu dan rumpai laut bagi meningkatkan tahap kesuburan tanah untuk digunakan oleh para petani di sekitar Kota Kinabalu, Sabah serta memberikan banyak faedah untuk pertumbuhan tumbuhan dan alam sekitar.
8.	Green Web	Pengwujudan pusat penjualan hasil tanaman secara fizikal serta penghasilan platform pemasaran pertanian digital bagi membantu petani sekitar memasarkan lambakan produk mereka secara fizikal dan <i>online</i> dan menghasilkan baja menggunakan sayuran yang rosak dan tidak terjual.

BIL.	KUMPULAN	PROJEK
9.	Dapur Kita	Penghasilan produk makanan melalui kelas bimbingan masakan kepada kaum wanita di komuniti di Kg Tanjung Aru, Sabah bagi membantu mereka menjana pendapatan bagi membantu menambahkan pendapatan isi rumah para nelayan.
10.	ECODE	Penyediaan platform dengan konsep "Akademi Komuniti" bagi memberikan peluang kepada belia dan suri rumah di komuniti sekitar Semporna, Sabah untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam proses pembuatan roti seterusnya menjadi punca pendapatan tambahan mereka.